

Rujukan kami : JUPEM 18/7/2.148 (27)

Tarikh : **27** Disember 2004



Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

**PEKELILING KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
BIL. 5 TAHUN 2004**

**PENETAPAN NORMA KERJA
DI JABATAN UKUR DAN PEMETAAN NEGERI**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan norma kerja baru bagi aktiviti-aktiviti di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri selaras dengan pembangunan sistem-sistem pengautomasian di JUPEM Negeri khususnya Sistem Pengurusan Data Kadaster (SPDK), Sistem Automasi Pejabat Ukur Daerah (SAPD) dan Sistem Total Station (STS).

2. LATAR BELAKANG

2.1 JUPEM telah melaksanakan konsep kerja "*Field to Finish*" secara berperingkat bermula tahun 1995 dengan perolehan STS. Ini diikuti dengan pembangunan SPDK dan SAPD pada tahun 1999. Sistem-sistem ini diwujudkan untuk menyedia, menyimpan dan memproses

data secara berdigit bagi kerja di setiap Unit JUPEM Negeri. Berikutan kejayaan tersebut, ketiga-tiga sistem ini telah dipertingkatkan keupayaannya pada tahun 2002 dengan perolehan peralatan ukur serta perkakasan dan perisian terkini yang mampu berhubung antara satu sama lain.

- 2.2 STS dan SAPD berkeupayaan menyedia, memproses serta menyemak hasil ukuran di peringkat Pejabat Ukur Daerah. Ini memudahkan urusan pemeriksaan serta penentuan kualiti data-data ukur yang dihantar ke Unit Prosesan Kadaster. Selain itu, SPDK juga mempunyai fungsi yang memudahkan kerja-kerja pemprosesan dan penyemakan. Justeru itu, proses kerja dapat mengoptimumkan penggunaan tenaga kerja di kesemua peringkat kerja yang berkaitan.
- 2.3 Dalam hal yang demikian, norma kerja bagi setiap aktiviti di JUPEM Negeri perlu dinilai semula selaras dengan pelaksanaan konsep "*Field to Finish*" tersebut. Norma kerja ini akan dapat membantu meningkatkan prestasi Jabatan di samping membantu dalam penyediaan penilaian prestasi tahunan kakitangan yang lebih telus dan tepat.

3. **NORMA KERJA**

Norma kerja yang ditetapkan bagi jawatan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri adalah seperti di **Lampiran A**. Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri hendaklah mematuhi garis panduan ini dalam menyediakan Sasaran Kerja Tahunan bagi pegawai dan kakitangan masing-masing.

4. PEMAKAIAN

Pekeliling ini terpakai kepada semua pegawai dan kakitangan yang bertugas di JUPEM Negeri.

5. TARIKH BERKUATKUASA

Pemakaian Pekeliling ini hendaklah dikuatkuasakan mulai 01 Januari 2005.

6. PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, Pekeliling KPUP bilangan 5/1993 bertajuk "**Penetapan Norma Kerja Tahunan Di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri**" adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATO' HAMID BIN ALI)
Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia

Salinan kepada :

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan
Pengarah Ukur Bahagian Kadaster

Lampiran A

**NORMA KERJA TAHUNAN / BULANAN / HARIAN
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN NEGERI**

Bil.	Cawangan/Unit	Jawatan	Tugasan	Norma Kerja Tahunan	Norma Kerja Bulanan	Norma Kerja Harian
1.	Pendaftaran	Juruteknik	Proses PU / eSRS	3,500 lot / 1,200 PU	300 lot / 100 PU	15 lot / 5 PU
		Juruteknik	Penyelesaian PU	7,000 lot / 1,200 PU	600 lot / 100 PU	30 lot / 5 PU
2.	Surihan Kerjalar	Juruteknik	Penyedia SKL	1,800 lot	150 lot	7.5 lot
3.	Kerjalar	Pembantu Teknik	Pengukur	390 lot / 2,500 stesen / 190 km	33 lot / 215 stesen / 16 km	1.9 lot / 12 stesen / 900 meter
		Juruteknik	Pengukur	360 lot / 2,100 stesen / 160 km	30 lot / 180 stesen / 14 km	1.7 lot / 10 stesen / 800 meter
4.	Prosesan Kadaster	Pembantu Teknik	Penyedia Jilid Kiraan dan Pelan Akui	1,200 lot	100 lot	5 lot
		Juruteknik	Penyedia Jilid Kiraan dan Pelan Akui	1,000 lot	90 lot	4.5 lot

**NORMA KERJA TAHUNAN / BULANAN / HARIAN
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN NEGERI**

Bil.	Cawangan/Unit	Jawatan	Tugasan	Norma Kerja Tahunan	Norma Kerja Bulanan	Norma Kerja Harian
5.	Pangkalan Data	Pembantu Teknik	Garisan Sambungan	14,000 PA	1,200 PA	60 PA
		Juruteknik	Garisan Sambungan	12,000 PA	1,000 PA	50 PA
6.	Kawalselia Juruukur Tanah Berlesen	Pembantu Teknik	Penyemak Hakmilik Tanah	4,000 lot	350 lot	17.5 lot
		Juruteknik	Penyemak Hakmilik Tanah	3,500 lot	300 lot	15 lot
		Pembantu Teknik	Penyemak Strata 1	4,000 petak	350 petak	17.5 petak
		Juruteknik	Penyemak Strata 1	3,500 petak	300 petak	15 petak
		Pembantu Teknik	Penyemak Strata 2	4,000 petak	350 petak	17.5 petak
		Juruteknik	Penyemak Strata 2	3,500 petak	300 petak	15 petak

Nota :

1. Norma bagi tugas Penyemak Strata Peringkat 1 termasuk kerja semakan bangunan di padang.
2. Norma bagi tugas Penyemak Strata Peringkat 2 termasuk penyediaan Suratan Hakmilik Strata.
3. PU : Permintaan Ukur ; SKL : Surihan Kerjaluar ; PA : Pelan Akui